

17 JAN 2003

Ong-Kilang

PROGRAM KITAR SEMULA BOLEH JIMATKAN SEKTOR PERKILANGAN

PONTIAN, 17 Jan (Bernama) -- Sektor perkilangan negara ini boleh memainkan peranan penting dalam menjayakan program kitar semula tanpa perlu mengeluarkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit setiap bulan untuk mengimport barangan terpakai seperti logam, plastik dan botol dari luar negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting berkata sektor perkilangan boleh menjimatkan kos perbelanjaan itu jika mereka bijak memanfaatkan penggunaan barangan terpakai tempatan.

"Malaysia mengeluarkan 16,000 tan sisa pepejal setiap hari dan jika mereka (pekilang) bijak memanfaatkannya, sudah pasti masalah pelupusan sisa pepejal dapat dikurangkan," katanya semasa berucap pada majlis penyerahan lori kompaktor dan tong sampah komunal kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Johor di Dewan Jubli Intan di sini, hari ini.

Ong berkata kerjasama itu perlu memandangkan 180 tapak pelupusan yang diiktiraf oleh kerajaan di seluruh negara kini hanya mampu menampung untuk tempoh dua tahun sahaja lagi.

"Tapak pelupusan sampah kini semakin terhad dengan jumlah penduduk yang semakin meningkat... keadaan itu menimbulkan masalah untuk melupuskan bahan sisa pepejal hingga menyebabkan berlakunya pencemaran sisa toksik," katanya.

Ong berkata walaupun Kerajaan Pusat kini dalam peringkat akhir melaksanakan kajian pelan strategik bagi pengurusan sisa pepejal secara bersepadu dan sistematik di bawah program penswastan, langkah-langkah tertentu perlu diambil termasuk program kitar semula bagi membantu mengurangkan atau meminimumkan pencemaran alam sekitar akibat dari pembuangan bahan sisa pepejal.

Menurutnya kementerian akan membanyakkan kempen kesedaran program kitar semula dengan melakukan pengiklanan di papan iklan besar, iklan di bas sekolah dan laluan LRT dalam program fasa keduanya sekarang bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya program kitar semula itu.

Beliau berkata tahun ini, kementerian memberikan 20 buah lori kompaktor kepada 12 PBT dan juga 280 tong sampah komunal kepada 14 PBT di Johor membabitkan peruntukkan RM5.1 juta.

Kementerian juga memperuntukkan RM3.2 juta untuk Johor tahun ini bagi menjayakan program menaik taraf tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada di kawasan PBT termasuk membina parit dan sistem rawatan bahan larut lesap supaya operasi pelupusan sisa pepejal boleh dilaksanakan dengan teratur, katanya.

Semasa bercakap pada sidang media di sini, Ong meminta kerjasama semua pihak termasuk PBT dan Kementerian Pendidikan melaksanakan program kitar semula dengan lebih serius serta menanamkan sikap menjaga kebersihan tandas awam sebagai satu budaya masyarakat negara ini.

Selain program kitar semula, katanya isu tandas awam kini menjadi perhatian kerajaan kerana selalu kotor hingga boleh menjejaskan imej negara.

"Jawatankuasa Tandas Awam (JKTA) yang ditubuhkan kementerian sejak tahun lepas, kini merangka pelan tindakan untuk dipertimbangkan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

Ong berkata JKTA itu sudahpun mendapatkan pandangan dan perkhidmatan daripada orang awam, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta

terutamanya pengusaha-pengusaha yang mempunyai kepakaran dalam tandas awam itu.

Beliau berkata kerajaan mahu menjadikan sikap menjaga kebersihan tandas awam sebagai sebahagian daripada budaya masyarakat selain memastikan pelbagai kemudahan di tandas awam berfungsi dengan baik.

-- BERNAMA

BH NAK